

# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA PANGKALAN UDARA KATEGORI VETERAN BAGI TAHUN 2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4887-kejohanan-sepak-takraw-antara-pangkalan-udara-kategori-veteran-bagi-tahun-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4887-kejohanan-sepak-takraw-antara-pangkalan-udara-kategori-veteran-bagi-tahun-2019)

KUALA LUMPUR, 25 Apr 19 – Kejohanan Sepak Takraw antara Pangkalan bagi kategori veteran bagi Tahun 2019 telah diadakan di Dewan Angkasaraya, Pangkalan Udara Kuala Lumpur.

Tahniah diucapkan kepada Ketua Jurulatih INSKEP, Mej Mohd Sani bin Shafie TUDM, Ketua Bahagian Tadbir, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM dan Pegawai Waran Institut PW U II Mohd Shahril bin Mohd Salleh kerana telah berjaya menempatkan INSKEP sebagai Johan Kategori Veteran dalam kejohanan tersebut.

Selain itu, Ketua Jurulatih juga berjaya menerima Anugerah Pemain Apit Kiri Terbaik dan Pegawai Waran Institut menerima Anugerah Pemain Veteran Terbaik.

Turut hadir Panglima Bantuan Udara, Mej Jen Dato' Haji Mohammad Salleh bin Hj Osman TUDM selaku Penaung Persatuan Sepak Takraw TUDM yang telah menyempurnakan upacara penyampaian hadiah dan piala pusingan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemain.

